

55 peratus dapat kerja dalam tempoh enam bulan selepas graduasi

UMS hasil graduan berkualiti tinggi

UM 31-10-2012 26

Oleh **SITTI NOR AZIZAH TALATA**
utusansabah@utusan.com.my

KOTA KINABALU 30 Okt. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa berusaha menyediakan ruang, suasana dan persekitaran intelektual yang bebas, matang dan sistematik bagi membolehkan perkembangan minda graduannya.

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah (**gambar**) berkata, ia bertujuan menyegarkan minda mereka dengan idea dan wawasan mantap selari dengan aspirasi pembangunan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

"Alhamdulillah, hasilnya seramai 4,336 graduan menerima ijazah, diploma dan sijil dalam bidang

pengajian masing-masing sempena konvokesyen pada tahun ini. Sesungguhnya, pencapaian cemerlang ini merupakan bukti kepada peningkatan kualiti akademik dan intelektual para graduan UMS," katanya ketika berucap sempena majlis Konvokesyen UMS ke-14 di sini baru-baru ini.

Majlis berkenaan dirasmikan oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin. Yang turut hadir, Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman; Pro-Canselor UMS, Tan Sri Dr. Yeoh Tiong Lay dan Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri



Alhamdulillah, hasilnya seramai 4,336 graduan menerima ijazah, diploma dan sijil dalam bidang pengajian masing-masing sempena konvokesyen pada tahun ini

DR. MOHD. HARUN ABDULLAH
Naib Canselor UMS

Abdul Hamid Egoh.

Mohd. Harun berkata, petunjuk prestasi utama (KPI) UMS dari segi kebolehan pasaran graduan tahun lalu menunjukkan 55 peratus daripada mereka mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas graduasi.

Katanya, pencapaian cemerlang akademik graduan UMS dan peningkatan kemahiran mereka dalam pasaran buruh yang sentiasa meningkat sangat membanggakan.

"Bagaimanapun, kejayaan itu bukan bermakna kami semua di pi-

hak UMS sudah cukup berpuas hati kerana saya sedar bahawa UMS masih lagi di peringkat remaja dalam agenda pembangunannya," katanya.

Tegas beliau, usaha memperkasakan UMS dengan meletakkannya sebagai gedung ilmu yang sentiasa konstruktif, relevan dan dihormati di peta dunia perlu diteruskan.

Mohd. Harun berkata, tahun lalu UMS telah memperolehi sebanyak 128 geran penyelidikan dengan dana berjumlah RM8.6 juta, manakala sehingga Julai ini, UMS meraih 27 geran dengan jumlah dana kumulatif sejumlah RM2.6 juta.

Dalam bidang penerbitan pula, beliau memberitahu bahawa sejak

2004 sehingga Julai ini, UMS telah menerbitkan lebih 70 hasil penyelidikan berimpak tinggi.

Katanya, bagi memastikan UMS diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa, pihak universiti itu giat menjalin kerjasama akademik, penyelidikan dan inovasi sejak awal penubuhannya lagi.

Sehingga kini, jelas beliau, UMS telah memeterai sebanyak 150 kerjasama dengan institusi pengajian tinggi luar negara dan bagi tempoh 2011 hingga 2015, terdapat 22 lagi kerjasama aktif dalam pelbagai bidang dengan institusi pengajian dari United Kingdom, Australia, Palestin, Australia, Perancis, Indonesia, Filipina, Jerman, Jepun, Poland dan Korea.